



Headline : Deleum lantik Zamani sebagai Ketua Pegawai Operasi
Media : Bernama Webnews (Malay)
Day/Date : 3 September 2012
Page :
Links : <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691489>

03 September, 2012 13:46 PM

Deleum Lantik Zamani Sebagai Ketua Pegawai Operasi

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Deleum Bhd, satu penyedia kepelbagaian produk dan perkhidmatan sokongan khusus kepada industri minyak dan gas, telah melantik Zamani Abd Ghani, 41, sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan.

Pelantikan itu berkuat kuasa 1 Sept.

Beliau menyertai Deleum Services Sdn Bhd pada 1997 setelah memegang beberapa kedudukan kanan di dalam kumpulan itu, yang termasuk sebagai Naib Presiden Bahagian Jualan, Kuasa dan Jentera dan Ketua Pegawai Operasi Bahagian Kuasa dan Jentera.

Beliau merupakan Pengurus Besar Kanan Pembangunan Perniagaan bagi kumpulan itu sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan.

"Encik Zamani membawa bersamanya pengalaman di dalam industri minyak dan gas serta biasa dengan operasi dan perniagaan kumpulan itu."

"Ini akan membantunya sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan bagi melaksanakan tanggung jawab operasi bagi setiap segmen perniagaan kami," kata Pengarah Urusan Kumpulan Deleum Nan Yusri Nan Rahimy, dalam satu kenyataan pada Isnin.

-- BERNAMA